

09 NOV 1997

Ibu-Anugerah

ANUGERAH IBU TUNGGAL CEMERLANG DIPERKENALKAN TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memperkenalkan Anugerah Ibu Tunggal Cemerlang sebagai satu daripada anugerah yang disampaikan sempena Hari Pengguna Sedunia peringkat kebangsaan.

Pegawai Perhubungan Awam Kementerian itu Encik Tan Ishak berkata, anugerah itu diwujudkan bagi mengiktiraf serta menghargai peranan ibu tunggal yang bertindak sebagai pengguna cemerlang dengan berbelanja secara berhemat dan berjaya mendidik anak masing-masing sehingga berjaya dalam kehidupan.

Kementerian menetapkan bahawa ibu tunggal yang layak menerima anugerah itu terdiri daripada mereka yang kematian suami dan terpaksa bertungkus lumus seorang diri mencari rezeki untuk membesarkan anak-anak tanpa bantuan orang lain, katanya kepada Bernama hari ini.

Katanya, pemenang utama anugerah itu akan menerima hadiah wang tunai RM3,000 yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan 1997 di Pusat Islam di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, anugerah lain pula ialah anugerah Tokoh Pengguna, kelab pengguna sekolah terbaik, Majlis Hal Ehwal Pengguna daerah paling aktif dan kedai harga patut terbaik.

Tan berkata tema Hari Pengguna peringkat kebangsaan yang lepas-lepas iaitu "Inflasi Sifar sasaran Kita" masih dikekalkan bagi perayaan tahun ini untuk mencerminkan usaha kerajaan memerangi inflasi masih berterusan sungguhpun ianya dijalankan sejak tahun 1995.

Begaimanapun, katanya kementerian menetapkan tema khusus iaitu "Berhati-hati Membeli-belah" bagi mengingatkan rakyat agar sentiasa bersikap berhati-hati sebelum membuat sebarang keputusan untuk membeli barangan tertentu.

Satu pameran khas juga akan diadakan di ruang legar Pusat Islam yang akan memaparkan barangan palsu dan mempunyai lebel jenama terkenal yang telah banyak menipu pengguna, katanya.

Katanya, antara barangan yang dipamerkan termasuk bahan perubatan, bahan makanan, alat ganti kenderaan serta barangan cetak rompak seperti kaset dan cekera padat.

Beliau berkata menerusi pameran itu, orang ramai akan dapat membezakan antara barangan palsu dan cetak rompak dengan barangan asli dan pameran itu dianjurkan oleh syarikat yang menjadi mangsa peniaga yang tidak beretika dan tidak bertanggungjawab. -- Bernama

AKT RHM